



18 September 2019
18 September 2019
P.U. (A)

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 3) 2019

*FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA)
(AMENDMENT) (NO. 3) ORDER 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 3) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Kelantan dan Pahang, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 3) 2019**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 19 September 2019.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [*P.U. (A) 401/1989*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “**Negeri Kelantan Darul Naim**”—


(a) dengan memasukkan selepas butiran 41 butiran yang berikut:

“42. (*Laluan 34*): *Jalan Kadok ke Ketereh*

Dari koordinat U 6.019894, T 102.260012 dan berakhir di persimpangan Jalan D14 di koordinat U 5.958763, T 102.270043, U 5.962393, T 102.271443 dan U 5.960086, T 102.273046 di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 16: JALAN KADOK KE KETEREH (jarak sepanjang 6.76 km).”; dan

(b) dengan memasukkan selepas PETA 15: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI KELANTAN peta yang berikut:

"PETA 16: JALAN KADOK KE KETEREH



Pindaan Jadual Ketiga

3. Jadual Ketiga kepada Perintah ibu dipinda di bawah kepala “**Negeri Pahang Darul Makmur**”—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 18 butiran yang berikut:

“19. *(Laluan 420): Jalan Masuk ke Universiti Malaysia Pahang*

Dari persimpangannya dengan Laluan 3, Jalan Kuantan-Endau di koordinat U 3.542377, T 103.425577 dan berakhir di pintu masuk Universiti Malaysia Pahang di koordinat U 3.54274, T 103.38384 di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 4: JALAN MASUK KE UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, PEKAN (jarak sepanjang 5.152 km).”; dan

(b) dengan memasukkan selepas PETA 3: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI PAHANG peta yang berikut:

“PETA 4: JALAN MASUK KE UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, PEKAN

